

BERITA HARIAN

DATE: 6/7/2008

BH-6/7/2008
**Drama politik
hasil komplot
Anwar: Dr M**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad mendakwa seluruh drama politik pertarungan besar yang dipertontonkan kini kepada ramai adalah hasil komplot Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya tidak menagih simpati daripada sesiapa. Tetapi agak keterlaluan mengharap saya untuk melupa dan memaafkan sesuatu yang sedang berlaku akibat komplot Anwar.

"Anwar memang berjaya menghitamkan nama saya di Amerika Syarikat dan Eropah, serta di negara Islam. Mereka semua fikir saya mencampakkan beliau ke penjara dengan sewenangnyanya atas sebab-sebab politik.

"Beliau tidak pernah ceritakan bagaimana beliau dibicarakan, bagaimana dibela sembilan peguam, bagaimana hakim menulis keputusan 360 muka terhadap beliau, bagaimana rayuannya ditolak sebanyak dua kali," kata Mahathir dalam blognya www.chedet.com. -
Bemama